

PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: PENGARAH
Tier	: 4
Pusat Tanggungjawab	: Pusat Hubungan Antarabangsa (IRC)
Portfolio	: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Elaun Khas Pentadbiran	: RM900.00
Tempoh Pelantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti Malaya
Gred Permohonan	: Gred 12 dan ke atas

2. SKOP TUGAS

MELAPOR KEPADA :

- (1) Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya
- (2) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- (3) Penolong Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Sebagai **Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa** tuan/puan adalah dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana dinyatakan dalam Subseksyen 12(3) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 termasuklah:

- (1) Merangka dan memacu strategi pengantarabangsaan bagi memantapkan imej dan kedudukan Universiti Malaya sebagai institusi pengajian tinggi awam yang terpilih oleh pelajar, staf dan majikan di peringkat antarabangsa;
- (2) Melaksana strategi pengantarabangsaan bagi menonjol dan memperhebatkan pencapaian dan kekuatan akademik universiti di arena antarabangsa;
- (3) Mengukuhkan jalinan hubungan dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) antarabangsa, sektor korporat antarabangsa, kedutaan, agensi kerajaan dan badan-badan yang dapat menyumbang ke arah pembangunan dan kecemerlangan Universiti diperingkat antarabangsa;
- (4) Memantau pangkalan data dan aktiviti/projek di bawah MoU/A tempatan dan antarabangsa serta menyediakan data analitik aktiviti pengantarabangsaan dan laporan untuk tujuan audit dan sebagainya;
- (5) Melakukan strategi untuk memantapkan rangkaian kerjasama antarabangsa antara UM dengan kesatuan antarabangsa serta mewakili UM dalam acara persidangan, kesatuan, mesyuarat, bengkel peringkat antarabangsa seperti yang diarahkan oleh portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa); dan

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

- (6) Berfungsi sebagai pengantara utama dalam aspek hubungan awam dan pusat tanggungjawab (PT) dalam berurusan dengan pelawat antarabangsa.

3. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan **perancangan dan pelaksanaan strategi** untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan **Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa** yang diiklankan (dalam format PDF; **maksimum 5 muka surat**). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpanduan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pn. Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 OGOS 2025 (JUMAAT) JAM 5.00 PETANG

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my